



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Web: <http://portalpp.anm.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/06(64)
Tarikh : 16 Mac 2021
Bersamaan : 2 Syaaban 1442 Hijrah

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENAMBAHBAIKAN PROSES PENYELENGGARAAN MAKLUMAT KOD
PEMBEKAL DI PORTAL iGFMS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat penambahbaikan proses penyelenggaraan maklumat kod pembekal di mana proses pendaftaran dan kemaskini kod pembekal perlu dilakukan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Portal iGFMS, manakala proses kelulusan adalah di peringkat Pejabat Perakaunan (AO). Kategori kumpulan penerima bayaran dan peranan adalah seperti berikut:

Kumpulan Penerima Bayaran	Kod Pembekal	Peranan	Penyedia	Pelulus
NOTE (No. Anggota Tentera)	4000000000-4999999999	Daftar & Kemas Kini	PTJ	AO
PANS (Penerima Bayaran Bukan Pembekal)	1400000000-1499999999	Daftar & Kemas Kini	PTJ	AO
EMP (Penjawat Awam)	5000000000-5999999999	Kemas Kini	PTJ	AO
SUPP (Pembekal daripada migrasi data ABB & ABT)	6000000000-6999999999	Kemas Kini	PTJ	AO

3. Bagi tujuan mewujudkan peranan tersebut, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu mengemukakan Borang KEW.290E-01-PIN.1/18 (Pindaan 10.03.2021) melalui iGFMS *Service Desk* bagi proses kemaskini peranan sebelum sebarang penyelenggaraan maklumat kod pembekal dilakukan di Portal iGFMS. Borang ini boleh dicapai di laman sesawang jabatan ini di pautan seperti berikut :

<http://www.anm.gov.my/index.php/khidmat/muat-turun/borang-borang>

4. Selain itu, dalam memastikan proses Semak AO berjalan lancar, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dikehendaki melampirkan dokumen sokongan yang berkaitan ke emel vendor_ukppmlk@anm.gov.my semasa melakukan aktiviti penyelenggaraan tersebut dengan mengunci masuk perihal emel seperti berikut:

Kategori Peranan>Nama PTJ/ Kump. Penerima Bayaran/No Kad Pengenalan

Contoh 1: Kemaskini /JANM Melaka/EMP/900214-04-5555

Contoh 2: Daftar /JANM Melaka/PANS/930222-04-4444

Kegagalan mengemukakan dokumen tersebut boleh menyebabkan permohonan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dikuiiri dan tidak akan diproses oleh pihak kami. Senarai dokumen sokongan yang berkaitan adalah seperti berikut :

- i. SUPP :Akaun Bank, Sijil Pendaftaran Pembekal dengan Pihak Berwajib (Contoh: SSM, ROS)
- ii. EMP : Kad Pengenalan dan Akaun Bank
- iii. PANS : Kad Pengenalan, Akaun Bank dan Surat Lantikan
- iv. NOTE : Kad Pengenalan dan Akaun Bank

5. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan juga, pembayaran kepada penerima bayaran di bawah **Program MyStep** yang menggunakan modul Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan adalah diklasifikasikan sebagai kumpulan penerima bayaran PANS (Penerima Bayaran Bukan Pembekal) dengan menggunakan kod siri 14 **mulai 11 Mac 2021**. Walau bagaimanapun, sekiranya kod pembekal PANS (yang sebelumnya menggunakan 60 siri) telah diwujudkan sebelum 11 Mac 2021, proses **pendaftaran semula perlu dilakukan di Portal iGMAS**. Oleh itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan hendaklah memastikan pembayaran bagi Personel MySTEP adalah menggunakan kod 14 siri sebelum sesuatu pembayaran dilakukan. Mana-mana PTJ yang tidak mematuhi arahan ini boleh menyebabkan Arahan Pembayaran tersebut dikuiiri oleh Unit Pengurusan Dana.

6. Bersama-sama ini dikemukakan infografik dan Manual Pengguna Modul Akaun Bayaran versi 2.0 seperti lampiran disertakan untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah



(ASLIZARIATI BINTI ABU BAKAR C.A.(M), ACMA, CGMA)
 Timbalan Pengarah
 b.p Pengarah
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka

s.k. Ketua Seksyen Operasi
 Ketua Seksyen Pemantauan